

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)46**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

46. Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam memperolehi penerbangan terus ke Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan penerbangan terus domestik dan antarabangsa sedia ada bersama dengan nama syarikat penerbangan dan kekerapannya.
  - (b) Senaraikan penerbangan terus yang baru sejak Ogos 2023 dan perancangan untuk masa depan.
  - (c) Nyatakan kebaikan penerbangan terus ke Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

46. Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) dan *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) telah mengambil pelbagai usaha untuk memperolehi lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang. Antara usaha yang diambil adalah menyertai pameran pelancongan antarabangsa seperti *Internationale Tourismus-Börse* (ITB) di China dan Singapura. Selain itu, Kerajaan Negeri

turut menyediakan insentif penerbangan dan sokongan pemasaran bagi menarik lebih banyak penerbangan baharu ke Pulau Pinang.

- (a) Pada masa ini, penerbangan terus domestik ke Pulau Pinang melibatkan tujuh destinasi iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Subang, Langkawi, Kota Bharu, Kuching, Kota Kinabalu dan Johor Bahru. Penerbangan ini melibatkan syarikat penerbangan Malaysia Airlines, Air Asia, Firefly dan Batik Air Malaysia. Jumlah penerbangan domestik adalah sebanyak 251 penerbangan seminggu.

Bagi penerbangan antarabangsa terus ke Pulau Pinang pula melibatkan 15 destinasi, antaranya Bangkok, Hong Kong, Medan, Singapura, Jakarta, Surabaya dan lain-lain destinasi. Jumlah penerbangan antarabangsa adalah sebanyak 263 penerbangan seminggu melibatkan pelbagai Syarikat penerbangan.

Senarai penerbangan terus domestik dan antarabangsa sedia ada yang terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (b) Penerbangan terus baharu sejak Ogos 2023 ialah ke Xiamen (*Xiamen Airlines*), Doha (*Qatar Airways*) dan Dubai (*FlyDubai*). Penerbangan terus baharu yang akan bermula pada tahun ini adalah ke Shanghai (*Juneyou Airlines*) dan Chennai (*IndiGo Airlines*).
- (c) Penerbangan terus ke Pulau Pinang memudahkan akses pelancong antarabangsa ke negeri ini dan secara langsung meningkatkan industri pelancongan tempatan. Ini seterusnya menyumbang kepada ekonomi negeri melalui peningkatan perbelanjaan pelancong di hotel, restoran dan tempat-tempat tarikan pelancong. Penerbangan terus juga memudahkan urusan perniagaan antarabangsa, menarik lebih ramai pelabur dan memudahkan pergerakan ahli perniagaan. Ini membantu mengukuhkan hubungan perniagaan dan mempercepatkan proses perdagangan serta menyumbang kepada pembangunan mampan. Ini seterusnya dapat menjana pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan hasil negara. Faedah penerbangan terus membawa banyak kemudahan dan bukan sahaja kepada penumpang, tetapi juga kepada kargo. Di samping itu,

penerbangan terus juga memudahkan rakyat tempatan untuk keluar melancong atau bermiaga dengan kos yang lebih jimat.

Penerbangan terus juga memudahkan urusan pembidaan acara perniagaan bertaraf antarabangsa yang mana melibatkan delegasi daripada India, China, Eropah dan Amerika yang mana delegasi tidak perlu transit terlebih dahulu sebelum ke Pulau Pinang. Ini adalah salah satu faktor utama dalam proses pembidaan dan pembuatan keputusan untuk menentukan destinasi acara perniagaan. Acara perniagaan bertaraf antarabangsa seperti *congress* bertaraf dunia mempunyai keahlian yang signifikan daripada Eropah, Amerika, China dan India.